

PERMASALAHAN IDENTITI: PENILAIAN KONSEP DEFISIT IDENTITI DAN KONFLIK IDENTITI

Muhamad Nадир Abdul Nasir & Rosila Bee Mohd Hussain¹

Abstract

In elaborating the concept of identity, individuals will try to identify the cause for their existence, and also in knowing their "self". In relation to this matter, this article discusses the meaning of identity in various dimensions, in particular from the Sociology and Psychology perspectives. In the next part, the discussion focuses on the problems existed in the individual identity formation by concentrating on the problem of identity deficit and identity conflict (that exists in various physical, emotional and spiritual situations. In describing the aspects of identity problems, this paper provides examples encountered by disabled person (Orang Kelainan Upaya or OKU) who went through the process of identity formation. Then, the authors also list down measures to reduce or control the problems that exist in the formation of an individual's identity. Finally, the authors propose possible solutions to response to the problems encountered, with respect to the various modes and situational forms of identity covered by the individual 'self' in controlling the formation of their identity.

Keywords: Identity Formation, Problems in Identity; Identity Deficit; Identity Conflict; Concept of 'self'.

Pengenalan

Identiti merupakan aspek penting dalam diri seseorang kerana tanpa identiti, seseorang itu tidak akan tahu akan sebab kewujudannya dan siapakah dirinya. Biarpun begitu, konsep identiti masih tidak mempunyai satu definisi yang konklusif. Ini kerana konsep identiti dilihat dengan cara berbeza dalam kebudayaan yang berbeza. Malah, identiti juga dilihat dari pelbagai dimensi yang berbeza. Maka, agak sukar untuk memberikan satu maksud yang khusus kepada istilah ini.

Secara asasnya, identiti merujuk kepada satu perasaan yang wujud dalam diri individu untuk memiliki persamaan dengan kumpulan individu tertentu, dan pada masa yang sama menginginkan perbezaan dengan kumpulan individu yang lain. Umpamanya, seorang yang berbangsa Melayu ingin kelihatan atau bertingkah laku sama dengan individu Melayu lain. Pada masa yang sama, ia juga ingin kelihatan bebeza daripada tingkah laku individu daripada bangsa lain.

Dengan erti kata lain, individu tersebut ingin mewujudkan karakteristik yang serupa dengan kumpulan sosialnya, dan ingin dilihat berbeza daripada ahli dalam kumpulan sosial yang lain. Karakteristik ini biasanya diwujudkan dengan merujuk kepada instrumen sosial yang sering digunakan oleh masyarakat di sekeliling individu tersebut. Instrumen sosial yang dimaksudkan ini adalah ciri-ciri fizikal (*physical*

attributes) yang mampu dilihat atau diukur secara jelas. Antara contoh ciri-ciri fizikal sosial ini adalah ras, etnik, kumpulan usia, gender dan sebagainya.

Faktor biologi merupakan titik rujukan yang paling mudah dan paling asas digunakan dalam persoalan identiti kerana rupa fizikal dapat dibezakan secara langsung antara seorang individu dengan individu yang lain daripada satu kumpulan sosial yang sama; mahupun dengan seorang individu daripada satu kumpulan sosial yang lain. Misalnya, orang Melayu dengan mudahnya dapat dibezakan daripada orang Cina kerana bentuk fizikal mereka yang berbeza. Orang Melayu mempunyai warna kulit berwarna sawo matang atau hitam manis, manakala kulit orang Cina berwarna kuning langsat.

Begitu juga keadaannya apabila melibatkan golongan orang kelainan upaya (OKU). Faktor rupa fizikal merupakan titik rujukan asas yang digunakan oleh masyarakat dalam mengkategorikan seseorang individu itu ke dalam golongan OKU. Contoh ciri-ciri fizikal yang sering dikaitkan dengan OKU adalah kudung tangan atau kaki, buta (mata sentiasa terpejam) dan wajah (terutamanya dalam kes *Down Sindrom*). Namun begitu, rupa fizikal tidak boleh berdiri sendiri sebagai titik rujukan dalam membincangkan identiti seseorang individu. Pada hari ini, faktor ini tidak lagi relevan disebabkan oleh pembangunan teknologi sintetik dan faktor perkahwinan campur.

'*Self*' merupakan asas dalam membicarakan persoalan pembentukan identiti seseorang dalam kajian Sosiologi dan Psikologi. Menurut Foucault (1988), kewujudan *self* ini bukanlah sebagai ejen. Sebaliknya, *self* wujud sebagai mekanisme kawalan dalaman individu bagi mengawal atau menentukan pembentukan identitinya. Dengan kata lain, pembentukan identiti individu berlaku secara dalaman yang kemudiannya mencerminkan luaran beliau yang boleh dilihat menerusi tingkah lakunya. Kawalan ini dilakukan oleh ejen-ejen persekitaran seperti ibu bapa dan masyarakat bagi memastikan individu tersebut bertingkah laku mengikut jangkaan yang telah ditetapkan oleh ejen-ejen persekitarannya. Di sini, Foucault melihat bahawa proses pembentukan identiti itu sebagai proses 'paksaan' dalam diri seseorang itu, daripada persekitarannya. Walau bagaimanapun, Rose (1996) telah mengutarakan idea genologikal yang bertentangan daripada idea pembentukan identiti yang dipelopori oleh Foucault. Beliau berpendapat tiada satu teori pun, atau penerangan universal bagi menerangkan konsep *self* kerana konsep ini mempunyai tafsiran yang berbeza dalam kebudayaan yang berbeza. Oleh itu, konsep *self* hanya mampu difahami melalui teori lokal atau setempat (Peter 2003, hlm. 118).

Pembentukan Identiti dan Permasalahan Identiti: Unjuran Konsep dan Pendekatan Teoritikal

Dari aspek Sosiologi, pembentukan identiti dapat dijelaskan menerusi tiga cara, iaitu membayangkan diri sendiri, interaksi harian dan secara tidak sedar. Menurut George Herbert Mead (1934), kita selalu membayangkan akan diri kita sendiri ataupun *self*. Menerusi konsep *self*, individu cenderung untuk membayangkan bagaimana dirinya harus bertingkah laku di samping membayangkan persepsi orang lain di sekelilingnya terhadap bentuk tingkah laku yang harus diambilnya. Dengan kata lain, pembentukan identiti adalah bersifat aktif. Individu memainkan fungsi yang aktif dan sedar dengan pembentukan identitinya sendiri. Proses kognitif ini yang digelar sebagai pembayangan diri kemudiannya akan menimbulkan bentuk tingkah laku yang telah distruktur

atau dibentuk dalam diri individu. Ini termasuklah cara seseorang itu bertutur, cara berpakaian, cara bekerja dan cara berinteraksi dalam satu-satu situasi.

Sebagai contohnya, seseorang individu yang ingin menghadiri satu sesi temuduga pekerjaan yang pertama, akan membayangkan bagaimana dirinya harus bertingkah laku. Individu berkenaan akan membayangkan dirinya berpakaian tertentu seperti berkemeja tangan panjang, bertali leher dan bercermin mata supaya kelihatan lebih bijak. Individu juga mungkin membayangkan diri mereka tenang semasa menjawab soalan dalam sesi temuduga tersebut. Dari sinilah, individu itu berkemungkinan membentuk identiti untuk dirinya dan sebagai persembahan diri (*self-presentation*) kepada penemuduganya kelak. Keadaan ini wujud dalam pelbagai aspek kehidupan harian, seperti ketika memegang sesuatu jawatan, ketika menerima perlantikan baru, mendapat kedudukan status baru dan sebagainya.

Cara pembentukan identiti yang kedua adalah menerusi interaksi harian individu. Menurut Erving Goffman (1990), identiti seseorang dapat dibentuk menerusi interaksi hariannya dengan individu di sekelilingnya. Manusia merupakan organisme yang aktif dan saling berinteraksi dengan manusia-manusia yang lain untuk penerusan hidup. Melalui interaksi harian, seseorang individu itu akan mempelajari pelbagai bentuk tingkah laku seperti norma-norma masyarakat, sistem sosial, undang-undang, agama dan sebagainya. Bermula disini, individu itu akan membentuk sedikit demi sedikit identitinya berdasarkan kepada penyesuaian dengan input yang diperolehi daripada interaksinya dengan persekitaran. Sebagai contoh, seorang lelaki Melayu yang hidup di luar negara yang dikelilingi oleh jiran dari pelbagai kumpulan ras dan etnik, bakal membentuk dirinya sebagai seorang yang peramah dan berfikiran lebih terbuka hasil daripada interaksinya dengan masyarakat di kawasan kejiranannya tersebut.

Begitu juga sekiranya seorang itu bekerja di syarikat ternama seperti *Google* umpamanya. Mereka akan membentuk identiti sebagai seorang yang kreatif, tidak *rigid* dan suka akan suatu inovasi yang mencabar hasil daripada interaksi dan pergaulannya dengan rakan-rakan di tempat kerjanya. Dari pengalaman pengkaji sendiri, biarpun pengkaji sering membayangkan diri sebagai seorang yang tegas dan *rigid* dalam prosedur pekerjaan, namun pengkaji tidak mampu menonjolkan identiti ini kerana terbelenggu dengan sistem masyarakat sekeliling seperti bersikap ‘meleceh’ mahupun tidak ambil serius tugas dan *dateline* yang diberikan. Akhirnya, pengkaji terpaksa menurut rentak masyarakat dalam banyak perkara walaupun mungkin tidak bersetuju sepenuhnya dengan norma tersebut.

Cara ketiga pula adalah dengan secara tidak sedar. Menurut Levine (2000), idea ini telah dikemukakan oleh Sigmund Freud. Menurut Freud, manusia bertingkah laku atas motivasi-motivasi tidak sedar. Pembentukan identiti ini mungkin terbentuk secara sedar seperti menerusi mimpi. Dengan kata lain, ada unsur pengaruh semulajadi yang telah menetapkan cara kita bertingkah laku secara automatik. Sebagai contohnya, apabila pengkaji terpaksa menguruskan beberapa konflik yang berlaku dalam diri pengkaji, pengkaji cenderung untuk merasa tertekan. Pengkaji secara automatik akan membentuk identiti diri sebagai seorang yang tegas, tapi pada masa yang sama apabila pengkaji berhadapan dengan salah seorang rakan OKU yang turut mengalami masalah, pengkaji akan secara automatik akan membentuk identiti sebagai seorang yang ‘*nurturance*’. Hal ini memperlihatkan wujudnya komponen separa sedar yang dapat mendorong pembentukan identiti seseorang.

Golongan OKU juga menggunakan kaedah yang sama seperti mana yang telah dinyatakan di atas. Mereka juga sering membayangkan bagaimana diri mereka harus ditunjukkan dalam sesuatu situasi, tidak kira dalam suasana formal atau sebaliknya. Sebagai contoh, seorang yang cacat penglihatan akan membayangkan bagaimana dirinya berpakaian dan bertingkah laku apabila menghadiri sesuatu majlis formal. Individu tersebut juga akan turut merancang jenis pakaian yang akan dipakainya supaya beliau kelihatan segak. Input-input ini tidak akan diperoleh tanpa interaksi dengan persekitaran. Pembayangan diri ini mungkin hasil daripada asuhan ibu bapa di rumah ataupun penjaga sewaktu bersekolah atau tinggal di asrama. Interaksi ini sangat penting bagi pembentukan identiti dalam kalangan individu kurang upaya. Dengan siapa dan bagaimana interaksi itu berlaku akan secara langsung memberi kesan dalam proses pembentukan identiti mereka. Misalnya, ibu bapa yang menggunakan gaya pengasuhan yang tidak menerapkan unsur-unsur diskriminasi mampu membentuk identiti anak yang baik. Namun, sekiranya ibu bapa sering menyembunyikan anak mereka yang kurang upaya daripada pandangan umum, hal ini secara tidak langsung merendahkan '*'self esteem'* anak. Hal ini seterusnya membawa kepada risiko berlakunya masalah identiti dalam diri individu OKU tersebut.

Interaksi dengan masyarakat di sekeliling juga penting dalam proses pembentukan identiti dalam kalangan individu kurang upaya. Menerusi interaksi sama ada dalam situasi formal mahupun tidak formal, seseorang itu akan mempelajari tentang gambaran atau jangkaan yang diberikan oleh masyarakat kepada dirinya; baik secara simbolik ataupun sebaliknya iaitu secara langsung. Dari sini juga individu itu akan mempelajari dan menafsirkan konsep *self* dalam dirinya sendiri. Hal ini seterusnya mencerminkan tingkah laku yang ditunjukkan oleh individu tersebut semasa berada di dalam persekitarannya. Sekiranya seseorang individu kurang upaya itu hidup dalam komuniti yang '*supportive*', sudah pasti beliau tidak akan memandang dirinya sebagai '*bebanan*' atau '*disisihkan*'. Beliau hanya akan memandang kecacatannya sekadar satu ciri fizikal dan bukan satu batasan untuk dirinya bergiat aktif dalam komuniti.

Jadi, sejauhmanakah kita mampu mengawal pembentukan identiti kita sendiri? Kita sebenarnya mampu mengawal identiti kita sendiri. Walhal secara logiknya, apabila kita dilahirkan kita tidak mempunyai sebarang bentuk identiti (melainkan aspek fizikal yang nyata seperti ras). Ibu bapa merupakan ejen sosialisasi primer yang membentuk identiti individu. Pembentukan identiti itu terus berlaku apabila seseorang kanak-kanak itu mula belajar di sekolah sehingga dia mencapai usia remaja. Pada waktu ini, individu sudah mampu untuk menaakul sesuatu perkara dan sudah boleh membuat keputusannya sendiri. Dengan berdasarkan input-input yang telah diperolehi sejak kecil dan disusuli dengan interaksi berterusan dengan persekitaran semasa, individu tersebut sewajarnya sudah mampu untuk menjawab persoalan '*siapakah saya?*'.

Oleh sebab itu, kematangan yang diperoleh dalam diri seseorang individu itu amat diperlukan dalam menentukan hala tuju perkembangan identitinya. Tidak dapat dinafikan bahawa fungsi persekitaran, yakni masyarakat, dilihat penting dalam proses pembentukan identiti individu. Namun, individu juga harus meneroka kehidupannya sendiri. Penerokaan kendiri (*self-exploration*) ini boleh melibatkan usaha-usaha seperti menimba ilmu pengetahuan menerusi pembacaan serta menimba pengalaman hidup di samping mengambil iktibar daripada pengalaman orang lain. Dengan itu, individu tersebut seharusnya mampu menjawab persoalan '*siapakah saya?*' dengan sebaiknya untuk dirinya sendiri.

Baumeister dan Muraven (1996) mencadangkan idea "adaptasi" dalam proses pembentukan identiti seseorang. Walaupun seseorang individu itu mempunyai pilihannya sendiri dan berhak membuat keputusan untuk dirinya, namun keputusan yang diambil sebenarnya masih diadaptasi dari elemen sosio-budaya yang sedia wujud dalam masyarakat di sekelilingnya (Baumeister & Muraven 1996). Seseorang individu itu akan membina identitinya dengan berpandukan kepada input-input yang telah diperolehi mereka daripada masyarakat sama ada menerusi interaksi tidak formal, interaksi formal maupun sosialisasi. Input-input seperti adat istiadat, pantang larang, agama dan sebagainya membina nilai-nilai asas terhadap pembentukan '*self*' dalam diri individu, dan kemudiannya disesuaikan dengan peredaran semasa atau situasi. Hal ini dapat menjelaskan bagaimana pembentukan identiti dalam kalangan remaja pada dunia moden kini. Sebagai contoh, seorang belia berbangsa Melayu masih beradab terhadap golongan yang lebih tua atau '*senior*' semasa mengutarakan pandangannya dalam satu-satu mesyuarat. Contoh ini menunjukkan bahawa biarpun zaman moden merupakan zaman di mana kebebasan bersuara itu merupakan hak setiap individu, tetapi nilai hormat-menghormati atau '*senioriti*' masih tidak diketepikan sepenuhnya dalam pembentukan identiti individu atau remaja Melayu umpamanya.

Namun, dalam membincangkan permasalahan identiti, ianya juga berkait rapat dengan konsep *self* seseorang individu. *Self* mampu mendorong kepada permasalahan identiti apabila seseorang individu itu gagal untuk memenuhi empat perkara iaitu mengetahui tentang dirinya sendiri atau *self*, mendefinisikan dan membina *self*, mengenal pasti potensi yang dimiliki dan memenuhi potensi-potensi tersebut, serta menghubungkan diri atau *self* dengan masyarakatnya (Baumeister 1987, hal. 163). Kegagalan dalam salah satu tahap ini dapat mendorong kepada berlakunya krisis identiti. Seseorang itu harus sedar tentang erti kewujudan dirinya dan peranan yang harus dilaksanakan olehnya. Persoalan 'siapakah saya?' merupakan persoalan asas yang membawa kepada proses pembentukan identitinya sebagaimana yang diutarakan oleh Erikson (1968) menerusi Teori Psikososialnya. Sekiranya persoalan ini tidak berjaya dijawab, maka individu tersebut akan terjerumus dalam jurang kekeliruan peranan yang disebut juga sebagai krisis identiti.

Habermas (1973) telah mengemukakan dua jenis krisis identiti iaitu '*legitimation crisis*' dan '*motivation crisis*'. *Legitimation crisis* merujuk kepada ketidakmampuan sesebuah entiti sosial itu memenuhi peranan atau jangkaan yang telah diberikan kepadanya, manakala *motivation crisis* pula merujuk kepada kurangnya makna dalam satu perkara atau peranan itu (Baumeister, Shapiro & Tice 1985). *Legitimation crisis* berlaku apabila seseorang itu tidak dapat menepati atau memenuhi tuntutan terhadap sesuatu dimensi identiti seperti identiti sebagai seorang pelajar, identiti sebagai seorang wanita, identiti sebagai seorang Muslim dan seumpamanya. *Motivation crisis* pula berlaku apabila seseorang itu gagal memahami peri penting terhadap sesuatu perkara atau tingkah laku. Persoalan 'mengapakah saya harus berbuat begini?' merupakan asas kepada pencarian makna dalam konstruksi *self* seseorang individu tersebut.

Oleh hal yang demikian, *self* merupakan paksi utama dalam pembentukan identiti seseorang. Ketidakmampuan seseorang individu menyedari konsep kendirinya akan cenderung membawa kepada permasalahan identiti. Walau bagaimanapun, keraguan dalam pembentukan identiti individu itu tidak mustahil berlaku. Permasalahan sebegini sememangnya akan dihadapi oleh seseorang itu sama ada pada suatu tahap perkembangan (khususnya semasa pada tahap remaja dan awal dewasa) atau dalam

sesuatu situasi. Masalah identiti ini boleh berlaku dalam pelbagai dimensi seperti fizikal, emosi dan spiritual. Masalah identiti ini cenderung membawa implikasi negatif kepada seseorang individu itu dalam ketiga-tiga aspek ini.

Dimensi-dimensi Pemasalahan Identiti

Permasalahan pembentukan identiti boleh berlaku dalam pelbagai dimensi. Antaranya termasuklah dari aspek fizikal, emosi dan spiritual dalam diri seseorang. Dalam bahagian ini, pengkaji mengillustrasikan bagaimana masalah identiti boleh berlaku dan kesannya dalam ketiga-tiga aspek ini.

Pertamanya, kesan masalah identiti dalam dimensi fizikal dapat dilihat apabila seseorang itu mulai ragu-ragu atau tidak berpuas hati dengan penampilan atau ciri-ciri fizikal yang ada pada dirinya. Masalah ini selalunya melibatkan faktor psikologikal yang mampu memesongkan persepsi individu tersebut sehingga beliau sanggup untuk mengambil langkah drastik untuk memenuhi kehendaknya. Misalnya, memuntahkan semula makanan yang baru sahaja diambil dalam kes pesakit *anorexia*. Pesakit *anorexia* juga sanggup mengambil ubat-ubatan dan melakukan pembedahan kosmetik bagi mendapatkan bentuk badan yang diinginkan. Masalah melibatkan dimensi fizikal ini tidak semestinya diakibatkan oleh sebab keinginan dalaman individu sendiri, malah masalah identiti juga boleh disebabkan oleh pengaruh luaran seperti tuntutan atau jangkaan yang diberikan oleh masyarakat sekeliling sehingga menyebabkan tekanan dalam diri individu ini untuk melakukan perkara-perkara tersebut.

Keduanya, kesan masalah identiti dari aspek emosi juga boleh berlaku apabila individu tidak tahu atau tidak dapat membendung atau mengawal perasaannya apabila berada dalam sesuatu keadaan atau situasi. Selalunya keadaan ini boleh berlaku apabila individu terpaksa berhadapan dengan konflik yang bertentangan dengan identitinya. Masalah ini juga mungkin boleh berlaku apabila individu tidak tahu bagaimana untuk bertingkah laku kerana berhadapan dengan tuntutan identiti yang berbeza. Sebagai contoh, seorang gadis mungkin akan merasa tertekan apabila berhadapan dengan rakan lelaki yang disukainya, tetapi pada masa yang sama rakan lelaki itu sedang bersama-sama dengan seorang rakan perempuan yang dibencinya. Dalam situasi ini, gadis tersebut pasti berasa keliru bagaimana harus dia memberi reaksi atau bertingkah laku dengan kehadiran dua insan yang menuntut dua bentuk kawalan identiti yang berbeza.

Ketiganya, dari aspek spiritual pula, masalah identiti ini boleh berlaku apabila seseorang mulai ragu-ragu atau keliru dengan pegangan spiritualnya. Hal sedemikian boleh berlaku apabila individu ini berinteraksi dengan kumpulan individu yang mempunyai identiti spiritual yang berbeza daripadanya. Masalah identiti spiritual ini bermula apabila individu mula mempertikai atau mempersoalkan sesuatu perkara dalam pegangannya. Sekiranya persoalan ini gagal dijawab, kemungkinan besar individu tersebut berhadapan dengan krisis identiti spiritual yang sangat serius. Masalah identiti spiritual juga boleh berlaku sekiranya individu ini terjebak dalam sesuatu konflik dan mula berputus asa. Bagi mententeramkan keraguan ini, individu tersebut mungkin mengambil langkah terakhir dengan mencari alternatif yang dirasakan sesuai dan dapat diterima oleh dirinya.

Permasalahan identiti dari setiap aspek ini turut dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah aspek pluraliti identiti yang perlu dipenuhi oleh setiap individu. Tidak dapat dinafikan bahawa seseorang individu memiliki pelbagai identiti (seperti.

ras, etnik, agama, gender, ideologi politik, profesi dan sebagainya) yang dipegang olehnya. Apabila individu cuba untuk memenuhi kesemua peranan identiti tersebut tanpa mewujudkan terlebih dahulu satu asas dalam dirinya, maka kemungkinan besar masalah identiti akan wujud dan kegagalan untuk memenuhi peranan dalam identiti ini. Dengan itu, individu mengambil pendekatan ‘bermuka-muka’ dalam peranan identitinya. Pluraliti identiti mampu mendorong kepada ‘*identity interference*’ dan ini akan membawa kepada tekanan terhadap individu tersebut. Settles (2004) menggunakan idea ‘*identity centrality*’ dalam mengurangkan ‘*identity interference*’ yang memberikan implikasi negatif kepada seseorang individu. *Central identity* berperanan sebagai skrip rujukan kepada seseorang dalam bertindak dengan tingkah laku tertentu. Ianya juga memberikan kerangka kepada seseorang individu mengenai cara bagaimana dia harus menafsirkan dunia (Settles 2004, hlm. 408).

Faktor situasi juga turut mempengaruhi bagaimana individu berkemungkinan untuk berhadapan dengan permasalahan dalam identiti. Seseorang individu yang memiliki set ideniti tertentu mungkin berhadapan dengan masalah di dalam situasi yang mengancam identitinya. Setengah individu berjaya mengawal tekanan situasi yang dihadapi mereka dan kekal dengan identitinya. Namun, terdapat juga sebahagian individu yang gagal berbuat demikian. Sebagai contoh, seorang lelaki muda yang baru sahaja mendapat kerja terpaksa akur dengan perintah dan kehendak majikan atau pegawai atasan mereka biarpun mungkin permintaan mereka tidak berkaitan dengan tugasannya, ataupun kelihatan keterlaluan. Semua ini akan dilakukan demi menjamin pekerjaannya dalam organisasi tersebut.

Identiti yang kabur dalam diri seseorang juga turut menjadi faktor berlakunya masalah identiti. Kekaburan identiti menyebabkan individu masih gagal mendefinisikan dirinya dan gagal menjawab persoalan-persoalan penting tentang ‘siapakah saya?’ Tanpa identiti, individu akan keliru dengan hala tujuanya dan cenderung untuk terjebak dengan bentuk tingkah laku yang songsang. Sebagai contoh, individu yang keliru tentang orientasi seksnya akan bingung memikirkan dan menentukan tingkah laku yang sepatutnya dilakukannya. Sekiranya beliau meneruskan niat untuk berkelakuan melenceng atau bertentangan daripada apa yang telah ditetapkan, ditentukan dan dijangkakan oleh masyarakat, individu tersebut mungkin terpaksa berhadapan dengan masalah lain seperti penerimaan masyarakat, penyisihan dan sebagainya akibat daripada identiti yang ditonjolkan olehnya.

Rasa tanggungjawab dan rasa bersalah yang keterlaluan juga mampu membawa kepada masalah identiti. Individu yang mengalami sindrom sebegini seringkali berasa bersalah tentang kegagalan orang lain biarpun kegagalan tersebut bukannya berpunca daripada dirinya. Individu sebegini bertanggapan bahawa dirinya patut menggalas tanggungjawab dalam memastikan orang lain berjaya.

Selain itu, sifat terlalu menerima apa yang sedia ada juga mampu menyebabkan kewujudan masalah identiti. Individu yang merasa selesa dengan tahap pencapaiannya mungkin tidak berusaha untuk membaiki atau meningkatkan diri mereka untuk mencapai mobiliti sosial yang lebih baik biarpun peluang menyambung pengajian, pekerjaan yang menawarkan gaji yang lebih lumayan dan sebagainya ditawarkan kepada mereka. Pendek kata, cepat merasa puas hati dan terlalu mudah menerima keadaan seadanya mendorong kepada masalah identiti individu. Sama juga, individu yang cenderung menunjukkan sifat mengalah dan suka berkorban tanpa mengambil kira hak dan keinginan diri sendiri mampu membentuk identiti yang kurang sihat.

Waima, dalam membentuk kerangka model perbincangan yang lebih khusus untuk melihat aspek kewujudan permasalahan atau krisis identiti seseorang, kita dapat membezakannya kepada dua bentuk iaitu aspek defisit identiti (*motivational crisis*) yang melibatkan pengalaman individu dan konflik identiti (*legitimation crisis*) yang melibatkan pelbagai komitmen dalam diri individu (Baumeister, Shapiro & Tice 1985). Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut kedua-dua aspek ini.

Defisit Identiti dan Konflik Identiti

Tidak semua individu mampu menjalani pembentukan identiti yang sihat dan sempurna. Risiko berlakunya konflik tetap ada kerana manusia merupakan organisma yang aktif dan sentiasa berinteraksi. Masalah identiti boleh berlaku dalam dimensi fizikal, emosi dan spiritual, serta dalam pelbagai situasi. Menurut Baumeister (1986), terdapat dua kategori dalam melihat permasalahan yang melibatkan identiti seseorang, iaitu defisit identiti dan konflik identiti.

Defisit identiti berlaku apabila seseorang itu tidak mampu untuk mengekalkan komitmen untuk memelihara atau meneruskan identiti sedia ada serta cenderung berubah kepada identiti yang lain. Defisit identiti juga berkait rapat dengan aspek motivasi dalam diri individu dalam mengekalkan identitinya. Contohnya, defisit identiti mungkin berlaku apabila seseorang remaja Melayu yang baru berpindah di sebuah sekolah di bandar raya enggan meneruskan identitinya sebagai seorang Melayu (contohnya bersopan-santun, menghormati orang tua, berakhhlak mulia dan sebagainya) dengan harapan dapat diterima oleh rakan-rakan barunya di sekolah ataupun remaja tersebut berpendapat bahawa budaya Melayu sudah ‘ketinggalan’ dan ‘lapuk’.

Contoh lain berlakunya defisit identiti ialah sekiranya seseorang gadis bertudung yang berasal dari kampung mulai terikut-ikut dengan gaya pemakaian gadis-gadis di bandar besar yang lebih moden dan terkini. Walaupun gadis tersebut mungkin terus bertudung, namun beliau tidak lagi berpakaian baju kurung tetapi telah beralih kepada pemakaian pakaian lengan panjang atau pendek biasa, berseluar jeans ataupun berblouse pendek dan singkat. Dengan kata lain, defisit identiti adalah kegagalan individu untuk terus tetap dengan identiti asalnya atau apabila mana individu itu mula berasa ragu-ragu dengan identitinya yang sedia ada. Ketidaktetapan dan keraguan ini berkemungkinan disebabkan oleh asas kepada identiti individu adalah tidak begitu kukuh ataupun kegagalan dalam fungsi sosialisasi ke atas individu tersebut.

Konflik identiti pula berlaku apabila seseorang itu mempunyai pelbagai komitmen dalam hidup mereka dan terpaksa mengutamakan satu-satu komitmen tertentu dengan mengenepikan komitmen-komitmen lain (Baumeister, Shapiro & Tice 1985). Umpamanya, konflik identiti berlaku apabila seseorang itu terpaksa bersikap tegas dan sangat *rigid* dalam proses kerja semasa mengendalikan mesyuarat biarpun ahli mesyuarat tersebut terdiri daripada rakan karibnya. Di sini individu tersebut harus bertingkah laku sebagai pemimpin dan terpaksa mengenepikan hubungan rapat dengan ahli-ahli mesyuarat. Konflik identiti berlaku apabila wujudnya pertembungan antara identiti yang sedia ada dengan identiti baru yang ingin diwujudkan. Dua identiti yang bertentangan ini akan membawa kepada dilema dan situasi yang kritikal dalam diri seseorang individu. Misalnya, seorang individu yang bersifat suka berterus-terang dan lantang bersuara akan mengalami konflik identiti apabila terpaksa bekerja dalam sebuah organisasi yang taasub kepada idea ‘senioriti’ dan ‘birokrasi’. Terdapat pelbagai

kemungkinan yang mungkin wujud dalam keadaan tersebut; sama ada individu tersebut terpaksa menyerah kalah dengan mengubah identitinya, memendamkan identitinya ataupun keluar daripada organisasi tersebut untuk mengekalkan identitinya.

Menurut Baumister (1986), terdapat dua sebab utama yang mendorong kepada berlakunya masalah identiti iaitu ‘situasi’ dan ‘pelbagai tingkah laku identiti’. Contoh yang paling mudah diberikan bagi menerangkan bagaimana “situasi” mendorong kepada masalah identiti ialah apabila seseorang itu berada dalam persekitaran baru seperti berpindah ke tempat kerja yang baru. Dalam keadaan tersebut, individu itu akan menggunakan identiti palsu, iaitu identiti yang direka sama ada untuk mendapatkan *first impression* yang baik dari rakan-rakan barunya atau sebaliknya. Hal sedemikian berlaku kerana individu tersebut masih belajar bagaimana harus dia bertingkah laku dalam persekitaran barunya itu. Setelah beberapa lama bekerja di tempat tersebut, individu itu mungkin akan kembali kepada identitinya yang asal apabila dirasakan selesa untuk berbuat demikian.

Contoh lain adalah apabila seseorang yang beragama Hindu dijemput untuk menyertai makan malam oleh sebuah keluarga beragama Kristian. Sebagai seorang yang beragama Hindu, sememangnya beliau mempunyai pegangan dan ritual yang berbeza daripada keluarga tersebut sewaktu makan. Sewaktu keluarga tersebut membaca doa dan bertafakur sebelum makan, beliau terpaksa juga ikut bertafakur atau sekurang-kurangnya duduk mendiamkan diri kerana menghormati tuan rumah dan keluarganya sebagai tetamu keluarga tersebut biarpun beliau mungkin tidak berasa selesa pada ketika itu kerana berada dalam ritual agama lain.

Pelbagai tingkah laku identiti pula merujuk kepada tuntutan tingkah laku yang berbeza daripada identiti yang berbeza dalam diri seseorang. Seseorang individu asasnya mempunyai pelbagai identiti yang dipegang pada satu-satu masa seperti identiti ras, identiti spiritual, identiti gender dan identiti intelektual. Setiap dimensi identiti ini mempunyai tingkah laku yang berbeza dan pertindanan identiti sering kali berlaku dalam mana-mana individu di dunia ini. Oleh sebab itu, seseorang individu hanya memfokuskan kepada dua atau tiga jenis identiti yang dimilikinya bagi meminimumkan pertindanan ini.

Walau bagaimanapun, masalah identiti biasanya akan tetap berlaku tanpa dapat dikawal oleh individu. Misalnya, seseorang pelajar mungkin mempunyai identiti yang berbeza semasa di dalam persekitaran sekolah (terutamanya bersama-sama rakan), pada masa yang sama pelajar itu juga mempunyai identiti yang sangat berbeza semasa berada di rumah. Mungkin pelajar tersebut merupakan seorang yang peramah, mesra, mudah tersenyum berperwatakan lucu, tetapi apabila di rumah pelajar itu tidak suka keluar rumah, tidak gemar berbual dan lebih suka menyendiri. Dua tingkah laku identiti yang kontra ini mampu mencetuskan masalah identiti apabila pelajar itu menerima kunjungan daripada rakan sekolahnya ke rumah. Pelajar tersebut mungkin keliru bagaimana untuk bertingkah laku kerana situasi itu seolah-olah perlanggaran dua dunia yang berbeza baginya.

Sehubungan dengan itu, dapat disaksikan di sini bahawa setiap individu sebenarnya berpaksikan diri dengan pelbagai bentuk identiti dalam kehidupan sehari-hari mereka. Kepelbagaiaian identiti mengakibatkan individu berhadapan dengan permasalahan identiti secara langsung mahupun tidak langsung pada waktu tertentu dalam kehidupan mereka. Permasalahan identiti ini mungkin mengakibatkan berlakunya defisit identiti tertentu ataupun konflik identiti. Memandangkan identiti individu merujuk kepada

'siapakah saya', ianya adalah sesuatu yang dialami oleh hampir semua orang. Jadi sebarang permasalahan yang wujud dalam identiti, sama ada defisit identiti atau konflik identiti perlu dihadapi dengan sebaiknya menerusi usaha-usaha yang sewajarnya. Usaha-usaha ini dibincangkan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya.

Usaha-usaha dalam Mengawal Permasalahan Identiti

Masalah identiti dapat dikawal dengan beberapa cara. Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan tiga cara iaitu sosialisasi, sokongan, *self advocacy* serta *compartmentalization* dalam mengawal permasalahan identiti yang dihadapi seseorang. Pertamanya adalah menerusi proses sosialisasi yang baik. Ianya harus diberikan kepada anak-anak dari sejak mereka kecil lagi. Sosialisasi yang baik bermaksud mereka ini diberikan dengan input-input yang seharusnya mereka perolehi supaya mereka dapat berfikir dan bertingkah laku dengan cara yang sepatutnya. Oleh itu, peranan semua pihak seperti ibu bapa dan guru-guru di sekolah sangat dititikberatkan dalam hal ini. Biarpun mereka akan menghadapi satu-satu konflik identiti, dengan tertanamnya input-input ini, mereka dapat mengadaptasi dan mengakomodasikan diri mereka dengan situasi yang berlaku di sekitar mereka.

Cara yang kedua adalah menerusi sokongan yang berterusan kepada mereka yang menghadapi permasalahan identiti. Sokongan ini boleh berbentuk nasihat, bimbingan, memberikan semangat, perbincangan dan sebagainya. Sekiranya individu yang menghadapi masalah identiti tidak diberikan sokongan yang sewajarnya, mereka mungkin akan kehilangan '*sense of self*' dan mungkin bergantung kepada sesuatu yang tidak sepatutnya seperti dadah mahupun minuman keras dalam usaha melupakan masalah identiti yang wujud. Oleh itu, interaksi yang diwujudkan secara berterusan dengan mereka mampu membuat mereka tidak berasa keseorangan dan tertekan dengan beban masalah identiti yang mungkin sedang dihadapi.

Cara yang ketiga adalah konsep '*self advocacy*' iaitu satu lagi cara yang mampu membantu individu berhadapan dengan masalah identiti. *Self advocacy* merujuk kepada tindakan yang diambil oleh seseorang individu atau sekumpulan individu menyuarakan pandangan mereka terhadap sesuatu isu atau perkara sama ada secara lisan mahupun bertulis. Kemahiran *self advocacy* ini harus dikembangkan dalam diri seseorang itu agar individu tersebut tidak mudah terjebak dalam masalah identiti. *Self advocacy* dilihat mampu memberi kesan secara tidak langsung kepada *self esteem* dan *sense of self* dalam diri seseorang individu.

Cara yang terakhir yang dapat dilakukan dalam mengawal masalah defisit dan konflik identiti yang dihadapi adalah dengan kaedah '*compartmentalization*' (Baumesiter, Shapiro & Tice 1985). Kaedah *compartmentalization* ini merujuk kepada keadaan yang mana individu mengekalkan aspek kepelbagaiaan komponen identiti yang wujud dalam ruang lingkup (*spheres*) yang berbeza dalam kehidupan mereka. Strategi ini memerlukan individu memisahkan dua ruang lingkup ini dengan rigid dan tegas dalam mengelakkan berlakunya percanggahan dalam tingkah laku dalam diri individu. Contohnya seseorang itu berkelakuan sebagai seorang pekerja di tempat kerja dan berkelakuan sebagai seorang suami atau isteri ketika di rumah.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini telah cuba mengupas perbincangan tentang aspek permasalahan identiti individu dengan menumpukan hujahan kepada aspek defisit identiti dan konflik identiti. Masalah identiti seperti defisit identiti dan konflik identiti ini boleh berlaku ekoran kegagalan '*'self'*' seseorang individu untuk mengawal pembentukan identiti mereka. Namun, tidak dinafikan bahawa kadangkala terdapat keadaan tertentu yang mana individu tidak berupaya untuk membentuk identiti mereka sendiri dan bergantung kepada orang lain dalam proses pembentukan identiti mereka. Seseorang yang hilang ingatan umpamanya terpaksa bergantung kepada keluarga atau pasangan masing-masing untuk mengembalikan '*'sense of self'*' kepada mereka. Ada juga yang perlu diberikan identiti palsu untuk kepentingan dan alasan tertentu.

Oleh itu, pengkaji dapat merumuskan bahawa dalam isu permasalahan identiti, ianya dapat diatasi sekiranya fungsi sosialisasi dapat dijalankan dan diberikan sepenuhnya kepada setiap individu di samping meningkatkan '*'self-advocacy'*' dalam diri setiap individu. Akhir sekali, identiti merupakan hak setiap manusia dan pelbagai cara atau mekanisme digunakan dalam pembentukan identiti seseorang. Seharusnya kuasa pembentukan identiti terletak dalam tangan individu berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi dari proses sosialisasi dan interaksi dengan persekitaran mereka. Namun, tidak dapat dinafikan akan wujud keadaan-keadaan dalam diri individu yang mengakibatkan berlakunya defisit identiti dan konflik identiti dalam diri setiap orang. Dalam hal ini, seseorang kemungkinan perlu bergantung kepada orang lain atau berusaha mengawal permasalahan dalam identiti seseorang individu antaranya melalui proses osialisasi, sokongan, *'self-advocacy'* atau *compartamentalization*.

Nota

¹ Muhamad Nadhir Abdul Nasir adalah seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda di Jabatan Antropologi & Sosiologi dan Rosila Bee Mohd Hussain merupakan pensyarah kanan di Jabatan Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Rujukan

- Baumeister, R. F., 1986. *Identity: Cultural Change and the Struggle for Self*. New York: Oxford University Press.
- _____, 1987. How the Self Became a Problem: A Psychological Review of Historical Research. *Journal of Personality & Social Psychology* 52(1).
- Baumeister, Roy F. & Muraven, Mark, 1996. Identity as Adaptation to Social, Cultural, and Historical. *Journal of Adolescence*, 19.
- Baumeister, Roy F., Shapiro, Jeremy P, and Tice, Dianne M., 1985. Two Kinds of Identity Crisis. *Journal of Personality* 53(3).
- Erikson, E. H., 1968. *Identity: Youth and Crisis*. New York, NY: Norton.
- Foucault, M., 1988. *The Care of the Self*. New York: Vintage Books.
- Goffman, E., 1990. *The Presentation of Self in Everyday Life*. New York: Penguin.
- Habermas, J., 1973. *Legitimation Crisis*. (trans. T. McCarthy). Boston, MA: Beacon.
- Isis H. Settles, 2004. When Multiple Identities Interfere: The Role of Identity Centrality. *Personality & Social Psychology Bulletin* 30(4).

- Levine, M.P., 2000. *The Analytic Freud: Philosophy and Psychoanalysis*. London: Routledge.
- Mead, G.H., 1934. *Mind Self and Society*. Chicago: Univ. Chicago Press .
- Rose, N., 1996. Identity, Genealogy, History. In S. Hall and P. du Gay (eds), *Questions of Cultural Identity*. London: Sage.
- Peter L. Callero, 2003. The Sociology of the Self. *Annual Review of Sociology* 29 (2003).
- Settles, Isis H., 2004. When Multiple Identities Interfere: The Role of Identity Centrality. *Personality And Social Psychology Bulletin* 30(4).